



BANGGA...Jessica ditemani ibu, Ng Kin Lan (kanan) dan dua adiknya.

Kamera Digital Krasasi Baru

pos terus ke



unik "YouTube Capture Mode". Kini anda dapat pos video yang berkualiti tinggi dengan menggunakan kamera CASIO EXILIM ke komputer dan perisian Exilim akan mengendalikan yang seluruh dunia.

\$880
& Inovatif



garansi DKSH

Bhd 03-2143 3493 • Hartamania Sdn Bhd 03-5635 4342 • Harvey Norman 03-2282 2681 • i-gate Cyberstation 03-5882 8675 • Kumpang Foto Sdn Bhd
02-742 5710 • Lam Loong Photo House Sdn Bhd 04-250 1433 • My Camera.Com 03-7980 1161 • Shong Lee Photo (M) Sdn Bhd 03-7710 9822 • Terita

CASIO
CASIO COMPUTER CO., LTD.
Tokyo, Japan

ing Services Sdn Bhd (254544-V)
46050 Petaling Jaya, Malaysia. Tel Pejabat: 03-77836323 Pusat Servis: 03-77820891

ru : 019-981 8012 Kuantan : 012-989 1099 Johor Bahru : 017-756 5979 Kuching : 012-881 1888

Sekitar Konvokesyen UPM

'Saya terpaksa curi masa'

Pembaca berita Dunia Jam 11 ulang kaji pelajaran sebelum ke udara

>>Oleh Siti Fatimah Hassan
sfhassan@metro.com.my

SERDANG: "Mempunyai dua kerjaya pada satu masa memang perkara mencabar terutama jika ingin melanjutkan pengajian. Saya sendiri terpaksa 'curi masa' mentalaah pelajaran ketika berselek sebelum ke udara (memasuki studio televisyen).

"Pada waktu siang saya mengajar di sekolah, malam pula sebagai pembaca berita selain perlu melayan kerenaan dua anak di rumah. Namun, saya melakukannya demi minat terhadap bahasa Melayu sejak dulu lagi," kata pembaca berita Dunia Jam 11 RTM, Jessica Ong, 33, yang menerima Ijazah Sarjana Bahasa Melayu (PJ) pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-31, di sini, semalam.

Jessica berkata, ia bukanlah perkara luar biasa apabila menjadi satu-satunya pelajar Cina yang mengikuti Pengajian Bahasa Melayu di UPM kerana kerjaya sebagai penyampai berita memerlukannya menguasai bahasa kebangsaan itu sepenuhnya.

"Saya suka dan cintakan bahasa Melayu malah di rumah

saya berkomunikasi dalam bahasa itu. Walaupun di sekolah mengajar subjek Bahasa Inggeris, saya lebih biasa menggunakan bahasa Melayu. Lagipun, pemilihan kursus ini berkaitan kerjaya di RTM.

"Dari segi pergaulan, memang tiada masalah kerana sebelum ini juga saya mempunyai ramai rakan Melayu di kampung di Kedah. Saya turut menggalakkan anak-anak bercakap dalam bahasa Melayu termasuklah suami," katanya yang turut diumumkan sebagai penerima Anugerah Pelajar Terbaik.

Pada majlis itu, dia ditemani ibunya, Ng Kin Lan, 62, serta dua adik iaitu Ong Hai Soon, 29, dan Ong Hai Seong, 25.

Seramai 867 graduan menerima ijazah sarjana dan ijazah sarjana muda masing-masing dalam sidang ke-10 yang juga sesi konvokesyen terakhir membabitkan bidang seperti Penderiaan Jarak Jauh dan sistem maklumat geografi (GIS), Kejuruteraan Sistem Pembuatan, Bahasa Melayu (PJ), Pengurusan Kejuruteraan, Pengurusan Sumber Tanah dan Kesusasteraan Bahasa Melayu, Pendidikan Teknologi Maklumat dan Sains Kepujian Kimia Petroleum.

3 ciri-ciri inovatif:

Video berkualiti tinggi H.264

- Rakaman video selama 1.5 jam dengan kad SD 1GB

Teknologi pemampatan video:

- Pos terus ke YouTube™ dengan hanya 2 langkah

Pengesan wajah:

- Mengfokus gambar individu tumpuan anda!

>Semangat tinggi enam rakan sekampung

SERDANG: "Dari segi cabaran memang banyak terutama apabila kami terpaksa berulang-alik 'mengjejar' penerangan dari Tawau, Sabah ke Kuala Lumpur untuk mengikuti pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, sekurang-kurangnya tiga kali setiap semester.

"Namun itulah pengorbanan yang perlu dilakukan demi mengejar ilmu dan memajukan diri kami. Biarlah berhabis banyak, tetapi ilmu itu tidak boleh diukur dengan wang ringgit," kata Herman Kuraga, 40,

yang menerima Ijazah Sarjana Sastera dan Linguistik Melayu pada Majlis Konvokesyen UPM ke-31, di sini, semalam.

Lebih manis lagi, dia menamatkan pengajian di peringkat itu dalam bidang yang sama bersama lima lagi rakan sekampung dari Tawau iaitu Mohd Ridzuan Abdullah, 40, Subtonia@Zaiton Tahassan, 50, Hasnah Kassim, 41, dan Rahim Damit, 43.

Keenam-enam mengikuti program jarak jauh (PJ) bertugas sebagai guru Bahasa Melayu di daerah berkenaan.